

Sila semak semula sebelum dilafazkan

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATO' SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI  
DI MAJLIS PERASMIAN  
PROGRAM KEMPEN GERAKAN KELUARGA BAHAGIA  
“BERSAMA KELUARGA KE ALAF BARU:  
SEHATI, SEJIWA, SEHARMONI”  
DI PUTRA WORLD TRADE CENTRE, KUALA LUMPUR  
PADA HARI KHAMIS, 4 NOVEMBER 1999,  
JAM 10.30 PAGI**

-----

Bersyukur kita ke hadrat illahi kerana dengan limpah kurnia dan izinnya dapat kita berjumpa pada pagi yang mulia ini bagi meraikan sepuluh tahun pelaksanaan program gerakan keluarga bahagia. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat di atas penghormatan yang diberikan kepada saya bagi merasmikan majlis yang bersejarah ini.

2. Tema yang dipilih untuk kempen gerakan keluarga bahagia kedua ini iaitu “Bersama Keluarga Ke Alaf Baru: Sehati, Sejiwa Dan Seharmon adalah wajar sekali. Saya percaya kita semua boleh bayangkan dalam kita melangkah ke alaf baru dan untuk mencapai status negara maju institusi keluarga akan berhadapan dengan pelbagai cabaran. Dalam hal ini keluarga sebagai unit asas dalam masyarakat perlu diberi sokongan dan perhatian daripada pelbagai pihak.

3. Bagi memastikan institusi keluarga terus kukuh dan berfungsi sebagai markas pembinaan generasi yang cemerlang dan berkualiti, kefahaman tentang peranan dan fungsi keluarga serta sistem sokongan yang jitu adalah penting.

4. Kalau kita semua memahami dan menghayati apakah peranan dan fungsi keluarga itu keseluruhannya, mungkin kita tidak perlu mengadakan kempen dan majlis seperti ini lagi. Malangnya sebilangan keluarga pada hari ini telah hanyut dalam arus pembangunan bagi mengejar kebendaan, sehingga keluarga kita menjadi mangsa dengan sikap seperti ini.

5. Oleh itu pembentukan keluarga yang sehati, sejiwa dan harmoni, memerlukan setiap ahlinya tahu akan peranan masing-masing, saling harga menghargai dan bekerjasama, sentiasa komited serta mengamalkan budaya pengasih dan penyayang. Secara tradisi, bapa selaku ketua keluarga berperanan utama sebagai pencari nafkah serta sentiasa menjaga kepentingan keluarganya, bertanggungjawab dan tidak bersikap melepas tangan. Sementara ibu pula, bersesuaian dengan sifat lemah lembutnya, berperanan menyemai dan memupuk nilai-nilai murni serta membaja perasaan setiap ahli keluarganya dengan kasih sayang, sentuhan kemesraan dari segi fizikal dan emosi serta sebagai pendorong dan penasihat.

6. Seseorang bayi itu dilahirkan suci dan fitrah. Ibu bapalah yang mencorakkan kehidupannya samada dia menjadi sempurna ataupun sebaliknya. Tanggungjawab tersebut tidak pernah berakhir. Bermula dengan kehadiran janin di alam rahim dan berterusan hingga kita menutup mata. Di sepanjang tempoh kehamilan ibu bapa bertanggungjawab menjaga pemakanan, keselamatan dan memberi rangsangan yang sesuai. Apabila dia lahir, dia memerlukan penjagaan rapi serta perlindungan dan kawalan ibu bapa kerana dia merupakan golongan yang sangat sensitif. Ketika dia meningkat remaja pula, emosinya sentiasa melonjak. Lonjakan itu perlu sentiasa di bendung dan mendapat bimbingan serta diimbangi dengan nilai-nilai murni kekeluargaan. Apabila dia melangkah ke alam dewasa dan seterusnya berkeluarga. tugas dan tanggungjawab ibu bapa masih berterusan dengan memberi tunjuk ajar, teguran dan nasihat berguna. Proses tersebut sentiasa berulang dan seterusnya menjadi putaran kehidupan.

7. Sebagai teras kepada keutuhan dan kebahagiaan keluarga, pegangan agama dan amal nilai-nilai murni adalah sangat penting. Orang dewasa perlu menjadi contoh kepada anak-anak dan generasi muda. Sementara itu, semua ahli keluarga perlu mengamalkan gaya hidup sihat dan cergas, mempunyai daya ketahanan fizikal dan mental yang kuat di samping berbagai kemahiran hidup yang perlu untuk merealisasikan wawasan sesebuah keluarga itu.

8. Tidak ada satu kaedah pun yang dapat dikenal pasti sebagai yang paling sesuai untuk digunakan dalam mendidik dan membesarkan anak-anak kerana setiap individu adalah berbeza. Terdapat nilai-nilai asas yang perlu diterap dan dikekalkan. Namun begitu, usaha untuk mengekalkan tradisi dan peradaban yang mulia dan murni ini mungkin akan terjejas jika kita

tidak peka. Saya rasa agak bimbang dengan tren keluarga masa kini yang cenderung atau terpaksa mengambil pembantu rumah asing. Ini dikuatiri akan melahirkan anak Malaysia yang keliru tentang budaya ibu bapanya berbanding dengan apa yang dipelajari daripada penjaganya.

9. Dalam hal ini, saya ingin menyeru supaya usaha dipergiatkan untuk memberi pendedahan kepada pembantu asing bagi mengetahui dengan lebih mendalam lagi nilai-nilai dan budaya masyarakat Malaysia supaya tidak berlakunya percanggahan antara budaya.

10. Saya juga bimbang tentang nasib segelintir kanak-kanak berumur 7 tahun ke atas yang ditinggalkan bersendirian tanpa penjaga di waktu sebelum ke sekolah dan selepas pulang dari sekolah.

11. Bagi menangani masalah ini, saya difahamkan terdapat juga program sokongan yang dijalankan oleh beberapa pihak khususnya Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui pusat aktiviti kanak-kanak yang merupakan langkah alternatif bagi menangani masalah penjagaan anak yang dihadapi oleh ibu-ibu bekerja.

12. Satu lagi pusat yang membantu ke arah ini ialah pusat aktiviti pelajar atau 'papar' yang dikendalikan oleh rukun tetangga. Pusat ini merupakan satu tempat di mana para pelajar dan golongan remaja boleh mengulangkaji pelajaran dan membuat kerja sekolah. Di situ juga disediakan kelas komputer, perpustakaan mini dan permainan dalaman sebagai rekreasi.

13. Saya difahamkan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara juga terus meningkatkan usaha ke arah yang sama dengan melaksanakan program-program pemantapan keluarga melalui penerapan nilai-nilai murni bagi melahirkan keluarga yang peka, berilmu, matang dan berkualiti. Di bawah program latihan dan pendidikan, LPPKN telah merangka dan membangunkan modul-modul pendidikan kekeluargaan dan keibubapaan khusus untuk golongan remaja, pasangan baru berkahwin, ibu bapa yang mempunyai anak kecil serta anak remaja.

14. Saya juga ingin menyarankan supaya 'Semangat Kejiranan' yang menjadi tradisi kita, dapat dikekalkan dalam masyarakat Malaysia. Golongan muda seharusnya menghormati dan menyayangi yang tua sementara yang tua berperanan memberi nasihat dan tunjuk ajar berdasarkan pengalaman mereka.

15. Walaupun peranan ibu bapa itu penting tetapi sokongan dari pihak-pihak lain juga adalah perlu supaya lebih berkesan. Dalam membentuk satu bangsa Malaysia yang bersatu hati, jiwa dan harmoni, saya berharap agar Kementerian dan agensi-agensi kerajaan, swasta dan NGO's tidak mengabaikan peranan dan penglibatan masing-masing.

16. Peranan media massa yang kreatif di dalam menyampaikan mesej-mesej yang sesuai boleh mendidik masyarakat supaya berubah sikap dan seterusnya mengamalkan nilai-nilai yang sewajarnya ke arah membina keluarga yang bahagia.

17. Pengetahuan yang mendalam mengenai isu-isu kekeluargaan adalah penting. Kegiatan-kegiatan penyelidikan mengenai keluarga seperti dinamika keluarga, polisi keluarga, impak keluarga dan tren-tren mengenai keluarga perlu dibuat. Dengan ini strategi-strategi baru perlu diwujudkan bagi memenuhi kehendak keluarga dan memantapkan keutuhannya di samping menggalakkan pendekatan yang inovatif mengenai isu-isu kekeluargaan.

18. Justeru itu, sempena dengan kempen gerakan keluarga bahagia ini, saya menyeru kepada ibu bapa yang berada di dewan ini agar sentiasa memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing ke arah pembinaan keluarga yang kukuh bersatu hati dan jiwa. Binalah satu keluarga yang menjadi kebanggaan negara kita atau 'A Pride To The Nation' iaitu sebuah keluarga yang sentiasa hidup dalam keadaan harmoni dan berkasih sayang, saling hormat menghormati, bantu membantu dan mempunyai hubungan yang kukuh dan intim di kalangan setiap ahli keluarga. Saya berharap mudah-mudahan kita dapat melangkah bersama keluarga bagi menongkah arus cabaran kehidupan di alaf baru, dengan penuh yak dan berdaya tahan.

19. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan rasminya melancarkan Program Kempen Gerakan Keluarga Bahagia bertema "Bersama Keluarga Ke Alaf Baru: Sehati, Sejiwa, Seharmoni".

\*\*\*\*\*